

KANDUNGAN LIPUTAN HARIAN BULAN MEI 2022

BIL.	TARIKH	TAJUK BERITA	MEDIA	MUKA SURAT
1.	20.05.2022	Penjawat Awam Didakwa Dua Tuduhan Terima Suapan	Sinar Harian	2
2.	25.05.2022	SPRM Bongkar Kegiatan Songlap Duit Bekalan Perubatan Covid19	Kosmo	3
3.	25.05.2022	Seleweng Perolehan Barangan Kesihatan		
4.	25.05.2022	Palsu Dokumen, Enam Kontraktor Didenda RM50,000	Sinar Harian	4
5.	25.05.2022	SPRM Siasat Perolehan Berkaitan Covid-19	Sinar Harian	5
6.	25.05.2022	Didenda RM50,000 Palsu Penyata Akaun	Harian Metro	6
7.	27.05.2022	Bekas Menteri Sabah Dijel Tiga Tahun – Palsukan Dokumen Kontrak Di UMS	Kosmo	7
8.	27.05.2022	Peter Anthony Bersalah Palsukan Surat	Harian Metro	
9.	27.05.2022	Penyelia Rela Dipenjara 14 Hari Buat Tuntutan Palsu	Sinar Harian	8
10.	27.05.2022	Kerana RM90 Penyelia Rela Dijel	Kosmo	
11.	28.05.2022	Dua Pembantu Kesihatan Direman Kes Rasuah Dalam Menguruskan Jenazah	Sinar Harian	9
12.	28.05.2022	Satu Jenazah Dapat RM300 – Dua Pembantu Kesihatan Di Hospital Kerajaan Disyaki Terima Suapan RM15K Setiap Seorang	Harian Metro	10
13.	28.05.2022	Lagi Ditahan Kes Rasuah Urus Jenazah	Kosmo	11
14.	28.05.2022	Koperal Mengaku Tak Salah Rasuah RM16,000 Tutup Kes	Kosmo	12
15.	29.05.2022	Isu Rasuah : MRT Corp Tidak Terlibat	Sinar Harian	13
16.	31.05.2022	Company Director Claims Trial To Fraud	The Sun	14
17.	31.05.2022	Pengarah Didakwa Tipu Syarikat Pembuatan Besi Keluli RM7.3 Juta	Sinar Harian	15

Sinar Harian | 20 May 2022 | Page 14

Penjawat awam didakwa dua tuduhan terima suapan

KUANTAN - Seorang penjawat awam dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini pada Khamis atas dua tuduhan menerima suapan tanpa balasan daripada seorang individu yang diketahui ada kaitan dengan tugas rasminya sebagai Penolong Pegawai Pertanian, Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jako) Daerah Lipis, Januari lalu.

Ahmad Akmi Mohamad, 39, didakwa menerima RM300 daripada individu berkenaan pada tarikh dan tempat berbeza.

Tertuduh yang tidak diwakili peguam bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan minta dibicarakan atas kedua-dua pertuduhan yang dikemukakan Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Siti Sarah Zainal Abidin di hadapan Hakim Datuk Ahmad Zamzani Mohd Zain.

Berdasarkan kertas pertuduhan pertama, tertuduh didakwa menerima RM200 daripada individu berkenaan pada 5 Januari lalu di sebuah kedai makan di Kuala Lipis.

Bagi pertuduhan kedua, dia didakwa menerima RM100 di sebuah cawangan bank di Jalan



Tertuduh diiringi pegawai SPRM keluar dari ruang mahkamah selepas selesai sebutan kesnya pada Khamis.

Temerloh, Mentakab, Temerloh daripada individu sama pada 7 Januari lalu.

Bagi semua tuduhan itu, tertuduh didakwa di bawah Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara boleh sampai dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Ekoran pengakuan tidak bersalah tertuduh itu, pihak pendakwaan menawarkan jaminan RM5,000 dengan seorang penjamin.

Tertuduh yang masih ber-

tugas merayu agar jumlah jaminan itu dikurangkan dengan alasan terpaksa menyara isteri dan dua anak serta ibu dengan pendapatan lebih RM2,000 sebulan.

Mengambil kira rayuan tertuduh itu, Ahmad Zamzani membenarkan jumlah jaminan dikurangkan kepada RM4,000 dengan dua syarat tambahan termasuk perlu melaporkan diri kepada SPRM.

Mahkamah menetapkan 20 Jun ini sebagai tarikh sebutan kes dan lantikan peguam.

Kosmo | 25 May 2022 | Pg 1



SPRM bongkar kegiatan songlap duit bekalan perubatan Covid-19

SURUHANJAYA Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mendedahkan pihaknya sedang memburu dalang penyelewengan bagi membekalkan peralatan perlindungan perubatan seperti topeng muka dan sarung tangan ketika kerajaan bergelut menyelamatkan rakyat angkara pandemik Covid-19. **- BERITA DI MUKA 3**

Kosmo | 25 May 2022 | Pg 3



PELITUP muka dan sarung tangan merupakan antara barangan yang digunakan petugas kesihatan semasa pandemik Covid-19. - GAMBAR HIASAN

SPRM dedah pelitup muka, sarung tangan tak berkualiti

Seleweng perolehan barangan kesihatan

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR

PUTRAJAYA - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mendedahkan mengenai aktiviti penyelewengan membabitkan perolehan dalam perkhidmatan kesihatan pada musim pandemik Covid-19.

Ketua Fesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, pihaknya telah menjalankan siasatan berhubung kegiatan tidak bertanggungjawab itu, namun perkara tersebut tidak dihebahkan kepada umum.

Menurut beliau, siasatan yang dilakukan oleh pihak SPRM antaranya membabitkan salah guna kuasa dalam agihan bantuan dan pakej rangsangan ekonomi.

"Selain itu, siasatan turut meliputi penipuan berkaitan peralatan perlindungan perubatan seperti pelitup muka, sarung tangan dan lain-lain dari segi kuantiti dan kualiti peralatan perubatan yang lebih rendah.

"Pihak kami turut menyiasat

Situasi tersebut menunjukkan bahawa ada segelintir individu yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan mendapatkan wang haram daripada kesakitan dan penderitaan orang lain."

aktiviti rasuah membabitkan pegawai penguat kuasa dalam barisan pasukan penguatkuasaan ketika Perintah Kawalan Pergerakan," katanya ketika menyampaikan ucapannya pada Forum Antirasuah Malaysia ke-3 (MACF) di sini semalam.

Azam memberitahu, adalah menyedihkan kerana dalam keadaan negara menghadapi kesukaran dan pandemik, sektor perkhidmatan kesihatan terpalit dengan rasuah membabitkan

perolehan.

Tambah beliau, situasi tersebut menunjukkan bahawa ada segelintir pihak yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan mendapatkan wang haram daripada kesakitan dan penderitaan orang lain.

"Saya ingin memberi jaminan bahawa anggota penguat kuasa SPRM terus bekerja sepanjang masa bagi memastikan rasuah ditangani dengan baik di negara ini," katanya.

Jelas beliau, Bahagian Pemeriksaan dan Perundangan SPRM telah melaksanakan dua kertas nasihat untuk mengkaji sebarang percanggahan dalam sistem perolehan kecemasan yang berkaitan dengan langkah pencegahan Covid-19.

"Kajian membabitkan prosedur dan dasar melibatkan peruntukan perkhidmatan perubatan dan peralatan perlindungan, pelitup muka, sarung tangan dan ventilator merentasi sektor awam di seluruh negara," katanya.

Palsu dokumen, enam kontraktor didenda RM50,000

ALOR SETAR - Enam kontraktor didenda RM50,000 di Mahkamah Sesyen di sini pada Selasa selepas mengaku bersalah atas pertuduhan memalsukan penyata akaun bank syarikat untuk melayakkan mereka mendapatkan tender pembersihan awam pada 2019.

Hakim Harmi Thamri Mohamad menjatuhkan hukuman itu terhadap Zulhilmi Abdul Jabar, 43; Mohd Yusrizal Ismail, 43; Muhamad Hairi Md Ismail, 38; Ranzi Halim, 51; Muhammad Amir Che Azid, 36 dan Badaruddin Mohamad, 40.

Mereka juga diperintahkan menjalani hukuman penjara enam bulan sekiranya gagal menjelaskan denda terbabit.

Mengikut kertas pertuduhan, mereka didakwa dengan curangnya telah menggunakan suatu dokumen sebagai tulin iaitu penyata akaun bagi bulan Oktober, November dan Disember 2018, yang mempunyai sebab untuk dipercayai bahawa dokumen tersebut adalah palsu.

Kesemua tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu dalam tempoh bermula 1 hingga 22 Januari 2019 di Wisma Idaman Sdn Bhd, Bandar Baru Stargate Jalan BSG 4, Lebuhraya Sultanah Bahiyah di sini.

Keenam-enam mereka didakwa mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 465 kanun yang sama iaitu memperuntukkan hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Pendakwaan kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Rehab Abdul Shukur.

Muhammad Amir, Mohd Yusrizal dan Zulhilmi diwakili peguam Intan Nursyafina Baharudin manakala Muhamad Hairi, Ranzi dan Badaruddin diwakili Syed Fakhruzzaman Syed Mansor.

Kesemua tertuduh dimaklumkan membayar denda masing-masing.



Kesemua tertuduh berjalan keluar dari Mahkamah Sesyen Alor Setar selepas mendengar keputusan kes mereka pada Selasa.

Sinar Harian | 25 May 2022 | Page 1,8



Disyaki terdapat unsur rasuah dan penyelewengan

Oleh TUAN BUQHAIRAH
TUAN MUHAMAD ADNAN

KUALA LUMPUR

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sedang melakukan siasatan terhadap perolehan berkaitan Covid-19 yang didakwa mempunyai unsur rasuah dan penyelewengan.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, terdapat pihak yang cuba mengambil kesempatan dalam keadaan negara sedang bergelut dengan pandemik Covid-19.

"Ia menyedihkan. Negara berada dalam pandemik dan

darurat (sebelum ini) namun beberapa perolehan terpalit rasuah," katanya dalam ucapan di Forum Anti Rasuah Malaysia di sini pada Selasa.

Menurutnya, siasatan yang sedang dilakukan adalah termasuk aktiviti rasuah dalam perolehan perkhidmatan perubatan, penyalahgunaan kuasa mengalihkan bantuan dan pakej rangsangan, penipuan berkaitan peralatan perubatan dan sebagai-



AZAM

nya. "Penipuan berkaitan perubatan merangkumi pelitup muka, sarung tangan dan lain-lain yang didapati palsu atau berkualiti rendah," ujarnya.

Katanya, perbuatan tidak bertanggungjawab itu jelas menunjukkan masih terdapat pihak yang mengambil kesempatan menikmati wang haram hasil daripada 'kesakitan' atau kemalangan orang lain.



Penipuan berkaitan perubatan didakwa merangkumi pelitup muka, sarung tangan dan lain-lain yang didapati palsu atau berkualiti rendah.

"Saya memberi jaminan kepada semua orang bahawa SPRM bekerja sepanjang masa untuk

memastikan rasuah sentiasa disemak dengan baik di Malaysia," kata beliau.

Didenda RM50,000 palsu penyata akaun

Alor Setar: Enam kontraktor dijatuhi hukuman denda masing-masing RM50,000 di Mahkamah Sesyen di sini, semalam selepas mengaku bersalah memalsukan penyata akaun bank syarikat untuk melayakkan mereka mendapatkan tender pembersihan awam pada 2019.

Hakim Harmi Thamri Mohamad menjatuhkan hukuman itu terhadap Zulhilmi Abdul Jabar, 43, Mohd Yusrizal Ismail, 43, Muhammad Hairi Md Ismail, 38, Ranzi Halim, 51, Muhammad Amir Che Azib, 36, dan Badaruddin Mohamad, 40.

Kesemua mereka turut berdepan penjara enam bulan sekiranya gagal membayar denda.

Mengikut pertuduhan, kesemua mereka didakwa dengan curangnya menggunakan suatu dokumen sebagai tulen iaitu penyata akaun bank syarikat bagi bulan Oktober, November, Disember 2018 dalam permohonan tender Penswastan Pengumpulan Sisa Pepejal dan Pengurusan Pembersihan Awam di Wilayah Utara.

Mereka didakwa mempu-

nyai sebab untuk mempercayai bahawa dokumen itu adalah palsu.

Mereka dituduh melakukan kesalahan itu di Wisma Idaman, Environment Idaman (Kedah&Perlis) di sini antara 1 hingga 22 Januari 2019.

Kesemua mereka didakwa mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 465 kanun yang sama iaitu memperuntukkan hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Pendakwaan kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Rehab Abdul Shukur.

Tertuduh, Zulhilmi, Mohd Yusrizal dan Muhammad Amir diwakili Peguam Intan Nursyafina Bahardin manakala tertuduh Muhammad Hairi, Ranzi dan Badaruddin diwakili Peguam Syed Fakhruzzaman Syed Mansor.

Kesemua tertuduh kemudian membayar denda itu di Kompleks Mahkamah Alor Setar.

Kosmo | 27 May 2022 | Page 7

ADUN Melalap didapati bersalah palsu dokumen kontrak di UMS

Bekas menteri Sabah dijel tiga tahun

Oleh NUZULSHAM SHAMSUDDIN

KUALA LUMPUR – Bekas Menteri Pembangunan Infrastruktur Sabah, Datuk Peter Anthony di-hukum penjara tiga tahun dan denda RM50,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam, atas tuduhan memalsukan surat berhubung kontrak kerja penyelenggaraan dan perkhidmatan Sistem Mekanikal dan Elektrik (M&E) di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Hakim Azura Alwi membuat keputusan itu selepas mendapati Peter, 51, bersalah atas pertuduhan tersebut.

Mahkamah memerintahkan hukuman penjara berjalan bermula semalam. Peter turut diarahkan menjalani hukuman penjara tambahan 15 bulan sekiranya gagal membayar denda.

Hakim Azura membenarkan penangguhan hukuman penjara sementara menunggu rayuan, namun denda perlu dijelaskan



PETER (kiri) tiba bagi mengetahui keputusan kes memabtkan dirinya di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur, Jalan Duta semalam.

semalam. Dalam penghakiman ringkasnya, Hakim Azura berkata, tiada

Peter berasaskan politik seperti yang dikemukakan pembelaan.

"Terdapat keterangan mencukupi bahawa tertuduh menipu saksi pendakwaan (SP) ketiga, kelapan dan kesembilan dengan mengaburi pemikiran mereka mengenai 'smart partnership' antara pihak universiti (Ulink Property Sdn. Bhd. anak syarikat UMS) dan syarikat milik Peter, Syarikat Asli Jati," katanya.

Tambah Hakim Azura, walaupun tiada bukti menunjukkan tertuduh memalsukan dokumen, terdapat keterangan mengikut keadaan dan keterangan menunjukkan hanya lelaki itu mempunyai peluang untuk memalsukan dan keterangan sepanjang perbicaraan menunjukkan beliau memalsukan dokumen berkenaan.

Peguam S. Devanandan memohon hukuman ringan kerana anak guamnya memberi kerjasama dan hadir di mahkamah tanpa gagal.

"Asli Jati membantu ratusan pelajar UMS, malah tertuduh juga banyak membantu pelajar miskin di UMS," katanya.

Timbalan Pendakwa Raya, Hareesh Prakash Somiah dalam hujahan pemberatan hukuman berhubung kes itu mengambil masa panjang dan reputasi UMS juga terjejas selain tertuduh telah merancang penipuan secara teliti.

Mengikuti pertuduhan pindaan, Peter sebagai Pengarah Urusan Syarikat Asli Jati didakwa memalsukan surat pejabat Timbalan Naib Canselor UMS bertarikh 9 Jun 2014 dengan memajukan pernyataan palsu dengan niat untuk menipu di pejabat Ketua Setiausaha Sulit Perdana Menteri di Putrajaya dekat sini antara 13 Jun dan 21 Ogos 2014.

Pertuduhan terhadap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Melalap itu dibuat mengikut Seksyen 468 Kanun Keseksaan.

Harian Metro | 27 May 2022 | Page 8

Kuala Lumpur: Mahkamah Sesyen semalam, mendapati bekas Menteri Pembangunan Infrastruktur Sabah, Datuk Peter Anthony bersalah atas pertuduhan memalsukan surat berhubung kontrak kerja penyelenggaraan dan perkhidmatan Sistem Mekanikal dan Elektrik (M&E) di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Hakim Azura Alwi membuat keputusan itu selepas mendapati pihak pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah di akhir kes pembelaan.

Azura berkata, selepas mendengar dan meneliti secara maksimum hujahan pihak pendakwaan serta pembelaan mahkamah memutuskan pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie terhadap Peter.

Mengikuti pertuduhan, Peter, 51, sebagai Pengarah Urusan Syarikat Asli Jati didakwa memalsukan surat

Peter Anthony bersalah palsu surat

pejabat Timbalan Naib Canselor UMS bertarikh 9 Jun 2014 dengan memasukkan pernyataan palsu dengan niat untuk menipu.

Dia dituduh melakukan kesalahan di pejabat Ketua Setiausaha Sulit Perdana Menteri, bangunan Perdana Putra, Putrajaya antara 13 Jun dan 21 Ogos 2014.

Pertuduhan mengikut Seksyen 468 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara hingga tujuh tahun dan denda.

Azura berkata, keterangan yang dikemukakan sepanjang perbicaraan menyatakan bahawa syarikat Peter iaitu Syarikat Asli Jati Sdn Bhd menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan fasa pertama di UMS dan perkara berkenaan tidak dinafikan pihak pembelaan.



PETER Anthony (tengah) di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, semalam.

"Terdapat keterangan mencukupi tertuduh menipu saksi pendakwaan ketiga, kelapan dan kesembilan dengan mengaburi pemikiran mereka mengenai 'smart partnership' antara anak syarikat milik penuh UMS, Ulink Property Sdn Bhd serta syarikat milik Peter, Asli Jati," kata hakim.

Tiga saksi berkenaan ialah Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UMS, Profesor Dr Shariff Abdul Kadir S Omang, bekas pengerusi Ulink Property Sdn Bhd, Datuk Abdullah Mohd Said dan rakan Peter, Mohd Shukur Mohd Din.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Wan Shaharuddin Wan Ladin, Hareesh Prakash Somiah dan Francine Cheryl Rajendram manakala peguam S Devanand serta Datuk D Senthinathan mewakili Peter.

Sinar Harian | 27 May 2022 | Page 14



S Vijayan (tengah) di Mahkamah Sesyen Seremban pada Khamis.

Penyelia Rela dipenjara 14 hari buat tuntutan palsu

SEREMBAN - Seorang penyelia Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela) dihukum penjara 14 hari dan didenda RM10,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini pada Khamis atas pertuduhan membuat tuntutan penugasan palsu daripada jabatan berkenaan, tahun lalu.

Hakim Rushan Lutfi Mohamed menjatuhkan hukuman itu terhadap tertuduh, S Vijayan, 56, selepas dia membuat pengakuan bersalah.

Mahkamah turut memerintahkan hukuman penjara lima bulan jika gagal membayar denda tersebut.

Mengikut pertuduhan, S. Vijayan sebagai penyelia Rela Seremban telah mengemukakan

Borang Tuntutan Elaun Penugasan Rela bagi penugasan di sebuah pusat kuarantin Covid-19 atas nama seorang wanita bagi bulan November 2021 berjumlah RM960, walhal wanita itu tidak hadir bertugas pada masa dan tarikh yang dicatatkan.

Kesalahan itu dilakukan di Pejabat Rela Daerah Seremban pada Disember 2021. Sehubungan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24(2) akta yang sama.

Selain itu, mahkamah melepas dan membebaskan tertuduh bagi enam pertuduhan lain di bawah Seksyen 171A Kanun

Prosedur Jenayah, selepas mengambil kira pengakuan bersalah serta persetujuan pihak pendakwaan dan tertuduh untuk mengguna pakai TIC (*Take Into Consideration*).

Sebelum itu, peguam R Subash memohon hukuman paling minimum untuk anak guamnya yang perlu menanggung seorang isteri dan 12 orang anak selain pengakuan salah tertuduh juga dapat menjimatkan masa mahkamah.

"Tertuduh sudah berkhidmat dengan Jabatan Rela selama 16 tahun dan mempunyai rekod yang cemerlang. Ini kesalahan pertamanya jadi pihak pembelaan merayu satu hukuman penjara paling minimum," katanya.

Kosmo | 27 May 2022 | Page 8

Kerana RM960, penyelia Rela dijel

SEREMBAN - Seorang penyelia Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela) dipenjara 14 hari dan denda RM10,000 selepas mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas pertuduhan membuat tuntutan palsu penugasan seorang anggota Rela berjumlah RM960.

Tertuduh, S. Vijayan, 56, membuat pengakuan itu di hadapan Hakim Rushan Lutfi Mohamed. Tertuduh berdepan hukuman penjara tambahan lima bulan sekiranya gagal membayar denda.

Hukuman penjara 14 hari diarahkan berjalan semalam.

Vijayan didakwa dengan niat memperdaya Rela Negeri Sembilan menggunakan Borang Tuntutan Elaun Penugasan Rela bagi penugasan di sebuah pusat kuarantin Covid-19 atas nama seorang anggota Rela wanita berjumlah RM960 bagi bulan November 2021.

Pemohon dikatakan hadir bertugas di pusat kuarantin berkenaan pada tarikh dan masa yang dicatatkan dalam borang tuntutan, sedangkan tertuduh tahu pemohon tidak

hadir. Kesalahan dilakukan di pejabat Rela Seremban di sini pada Disember 2021.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Sementara itu, mahkamah melepas dan membebaskan Vijayan bagi enam pertuduhan di bawah Seksyen 171A Kanun Prosedur Jenayah selepas mengambil kira pengakuan bersalah dan persetujuan pihak pendakwaan serta tertuduh untuk mengguna pakai TIC (*Take Into Consideration*).

Peguam R. Subash memohon hukuman minimum dikenakan ke atas anak guamnya yang menanggung isteri dan 12 orang anak.

"Tertuduh mengaku bersalah hari ini (semalam) dan ini menjimatkan masa mahkamah. Anak guam saya juga memberi kerjasama penuh sepanjang siasatan dijalankan oleh SPRM.

"Tertuduh berkhidmat dengan Rela selama 16 tahun dan mempunyai rekod cemerlang. Ini merupakan kesalahan pertamanya," katanya.



VIJAIYAN (tengah) dibawa keluar selepas dijatuhkan hukuman penjara dan denda oleh Mahkamah Sesyen Seremban semalam.
- MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN.

Sinar Harian | 28 May 2022 | Page 1,6

KONTROVERSI CAJ JENAZAH

TINJAUAN *Sinar Harian* mendapati terdapat segelintir kumpulan pengurusan jenazah bersikap tamak mengambil kesempatan mengenakan caj beribu-ribu ringgit ke atas waris pesakit Covid-19 yang meninggal dunia, malah mereka sanggup merasuah petugas hospital.

Dalam insiden terbaharu pada Jumaat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berjaya mendapat perintah tahanan reman ke atas dua pembantu kesihatan yang dipercayai meminta suapan RM15,000 untuk kerja-kerja pengurusan jenazah.

6 & 7



Anggota SPRM membawa salah seorang daripada dua pembantu kesihatan hadir di mahkamah untuk mendapatkan perintah reman pada Jumaat.

Dua pembantu kesihatan direman kes rasuah dalam mengurus jenazah

SHAH ALAM - Dua pembantu kesihatan direman lima hari oleh Mahkamah Majistret di sini pada Jumaat berhubung kes meminta rasuah bagi urusan berkaitan kerja pengurusan jenazah.

Majistret Nur Faizah Abdul Sani mengeluarkan perintah itu selepas membenarkan permohonan pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk menahan kedua-dua suspek, bermula Jumaat sehingga Selasa nanti.

Mereka yang berusia 40 hingga 42 tahun, direman bagi membantu siasatan kes mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009 dan membawa hukuman penjara sehingga 20 tahun dan didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai



Dua pembantu kesihatan direman lima hari oleh Mahkamah Majistret Shah Alam pada Jumaat berhubung kes rasuah urus jenazah.

suapan.

Pada Khamis, *Sinar Harian* melaporkan dua pembantu kesihatan telah meminta suapan kira-kira RM15,000 untuk kerja-kerja pengurusan mayat memakan diri selepas

mereka ditahan oleh SPRM.

Menurut sumber, kedua-dua suspek lelaki tersebut ditahan pada jam 4.45 petang selepas hadir di pejabat SPRM Selangor untuk memberi keterangan.

Harian Metro | 28 May 2022 | Page 3



ANGGOTA SPRM mengiringi kedua-dua suspek untuk direman di Mahkamah Majistret Shah Alam. - Gambar NSTP/FAIZ ANUAR

Oleh Norzamira Che
Noh
am@hmetro.com.my

Shah Alam

Dapat duit haram RM300 bagi setiap mayat diuruskan di hospital kerajaan. Itu tindakan dua pembantu kesihatan yang diberkas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), kelmarin.

Mereka diberkas selepas disyaki meminta dan menerima suapan berjumlah kira-kira RM15,000 setiap seorang sejak empat tahun lalu bagi urusan berkaitan kerja-kerja pengurusan jenazah.

Menurut sumber, dua suspek lelaki masing-masing

berusia 42 dan 40 tahun itu ditahan sekitar jam 4.45 petang semalam ketika hadir memberi keterangan di SPRM Selangor.

Katanya, kedua-dua suspek yang berkhidmat di salah sebuah hospital di negeri ini dipercayai meminta dan menerima wang suapan se-

banyak RM300 bagi setiap pengurusan jenazah daripada individu tertentu.

Difahamkan ia sebagai balasan untuk pihak berkenaan terus mendapatkan kerja-kerja pengurusan jenazah bagi tempoh 2018 hingga 2021.

Sementara itu, Pengarah

SPRM Selangor, Datuk Alias Salim mengesahkan penahanan itu dan berkata kes disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

Katanya, kedua-dua suspek dibawa ke Mahkamah Majistret Shah Alam untuk mendapatkan perintah tahanan reman.

SATU JENAZAH DAPAT RM300

Dua pembantu kesihatan di hospital kerajaan disyaki terima suapan RM15k setiap seorang

Kosmo | 28 May 2022 | Pg 1, 12

Tangkapan terbaharu melibatkan dua pembantu kesihatan sebuah hospital di Selangor

Lagi ditahan kes rasuah urus jenazah

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

SHAH ALAM — Dua pembantu kesihatan sebuah hospital di Selangor yang disyaki terabit dalam komplot rasuah pengurusan jenazah direman lima hari bermula semalam.

Perintah reman ke atas suspek lelaki berusia 40 dan 42 tahun itu dibenarkan Majistret Nur Faizah Abdul Sani.

Mereka ditahan pada pukul 4.45 petang kelmarin selepas hadir memberi keterangan di Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Selangor di sini.

Menurut sumber, siasatan awal mendapati kedua-dua penjawat awam itu menerima rasuah berjumlah RM15,000 bagi kerja-kerja pengurusan jenazah selama empat tahun bermula pada tahun 2018.

Dua suspek itu dipercayai meminta dan menerima suapan RM300 bagi setiap pengurusan jenazah daripada individu tertentu.

"Siasatan mendapati kedua-dua suspek terlibat dalam pengurusan jenazah orang Islam sahaja.

"Namun, kesemua rasuah uru-



KERATAN Kosmo 10 Disember 2021.

san jenazah itu tidak melibatkan mereka yang meninggal dunia akibat Covid-19," katanya kepada Kosmo di sini semalam.

Tambah beliau, mangsa yang bertugas di bahagian forensik berkhidmat antara tujuh dan sembilan tahun di hospital berkenaan.

Pemeriksaan awal mendapati suapan tersebut sebagai balasan untuk pihak berkenaan terus mendapatkan kerja-kerja pengurusan jenazah bagi tempoh 2018 hingga tahun lalu.

"Setakat ini, urusan rasuah itu hanya melibatkan satu pihak sahaja. Bilangan jenazah yang diperdagangkan masih dalam siasatan," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Selangor, Datuk Alias Salim memberitahu, "tangkapan tersebut



PEGAWAI SPRM membawa dua pembantu kesihatan bagi mendapatkan permohonan reman di Mahkamah Majistret Shah Alam semalam.

adalah yang kedua melibatkan rasuah pengurusan jenazah di hospital kerajaan.

"Tangkapan pertama dibuat pada 6 Oktober 2021 melibatkan lima petugas kesihatan," katanya.

Kelima-lima mereka telah dituduh di beberapa mahkamah termasuk Selangor dan Kedah.

Koperal mengaku tak salah rasuah RM16,000 tutup kes

SHAH ALAM – Seorang anggota polis berpangkat koperal mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas pertuduhan rasuah RM16,000 bagi menutup kes dokumen palsu, Februari lalu.

Tertuduh, Azrol Khalil, 37, membuat pengakuan itu di hadapan Hakim Rozilah Salleh.

Azrol yang ketika itu bertugas sebagai detektif Bahagian Siasatan Jenayah Komersial Daerah Gombak menerima suapan RM16,000 daripada seorang lelaki bagi menutup kes yang sedang disiasat bahagian berkenaan.

Bagi kesalahan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 16(a)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1)

akta yang sama.

Azrol turut didakwa atas pertuduhan pilihan menerima wang daripada individu sama di bawah Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda atau keduanya.

Kesemua kesalahan itu dilakukan di sebuah restoran di Taman Prima Sri Gombak di Gombak pada 7 Februari lalu.

Mahkamah menetapkan jaminan RM8,000 dan tertuduh perlu melaporkan diri di Pejabat SPRM Selangor pada setiap bulan. Sebutan semula kes pada 28 Jun ini.

Kosmo! sebelum ini melaporkan dua anggota polis disyaki terlibat rasuah RM20,000 bagi menutup kes dokumen palsu ditahan pada Februari lalu.



AZROL (kiri) tiba untuk didakwa atas pertuduhan rasuah di Mahkamah Sesyen Shah Alam semalam.

SINAR AHAD • 29 MEI 2022

NASIONAL



Sinar Ahad

3

Isu rasuah: MRT Corp tidak terlibat

Berhubung siasatan pihak berkuasa Perancis mengenai dakwaan penipuan dalam projek MRT2

Oleh DIANA AZIS

SHAH ALAM

Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) menegaskan bahawa pihaknya tidak terlibat dengan siasatan berkenaan isu rasuah dan penipuan membatikan projek Transit Aliran Massa 2 (MRT2).

Pengurus Perhubungan Pihak Berkepentingan MRT Corp, Leong Shen-Li berkata, maklum balas mengenai isu berkenaan sudah dijawab dalam satu kenyataan media yang disiarkan pada Mac lalu.

"MRT Corp pernah komen mengenai kes ini," katanya ringkas ketika dihubungi Sinar Ahad.

Shen-Li berkata demikian ketika di-



minta mengulas mengenai pendedahan sebuah portal pada Sabtu berhubung siasatan pihak berkuasa Perancis mengenai dakwaan penipuan dan rasuah melibatkan projek Klang Valley Mass Rapid Transport (KVMRT).

Portal itu mendakwa, skandal terbabit melibatkan projek MRT2 bernilai kira-kira RM692 juta dengan tumpuan siasatan terhadap sebuah syarikat di Malaysia yang dikaitkan dengan konglomerat Perancis terkenal dengan kes penipuan kerana memalsukan ujian keselamatan dan kualiti yang dijelankannya.

Sementara itu, dalam kenyataan kepada media pada 23 Mac lalu, MRT Corp menegaskan, siasatan yang sedang dijalankan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tiada kaitan dengan pihaknya atau mana-mana kakitangannya.

"MRT Corp bersedia untuk memberikan kerjasama penuh kepada pihak berkuasa dalam siasatan kes ini jika diminta.



MRT laluan fasa Pertama dari Stesen Sungai Buloh ke Stesen Semantan sudah beroperasi pada 2017. Projek MRT2 atau dikenali sebagai Laluan Putrajaya yang diluluskan kerajaan pada tahun 2015 adalah fasa kedua menghubungkan beberapa bandar ke Putrajaya merangkumi 30 stesen sepanjang kira-kira 60 kilometer (km).

"MRT Corp ingin mengingatkan semua rakan perniagaan, kontraktor dan subkontraktor bahawa tidak akan bertolak ansur dengan sebarang bentuk rasuah di dalam ekosistem projeknya.

"Tindakan sewajarnya seperti penamatan kontrak atau senarai hitam akan diambil terhadap mana-mana syarikat yang didapati terlibat dalam rasuah," menurut kenyataan itu.

The Sun | 31 May 2022 | Page 5

Company director claims trial to fraud

KUANTAN: A company director pleaded not guilty at the sessions court here yesterday to cheating Alliance Steel (M) Sdn Bhd (ASSB), the first investor at the Malaysia-China Kuantan Industrial Park (MCKIP), involving a total of RM7.38 million, three years ago.

Teh Teng Cheng, 52, was charged with committing the offence on June 28, 2019, in the ASSB office at the MCKIP in Gebeng, by submitting the project payment receipt account, which prompted ASSB to pay RM7.38 million to Sureland Industrial Fire Safety (M) Sdn Bhd, which it would not have done if it was not deceived.

The charge read before judge Datuk Ahmad Zamzani Mohd Zain was framed under Section 420 of the Penal Code, which provides for a maximum jail term of 10 years, whipping and a fine.

Malaysian Anti-Corruption Commission deputy public prosecutor Siti Sarah Zainal Abiddin set bail at RM2 million in two sureties, after taking into account the seriousness of the offence.

However, lawyer Mohd Shahrullah Khan Nawab Zadah Khan who represented Teh, appealed for the amount to be reduced on the grounds that Teh's wife could only afford to pay RM30,000 with her client willing to be subjected to additional conditions set by the court.

"The accused's company is now in the process of winding up and the accused has not had a fixed income for the past two years.

"Teh's wife is a trader but her business has also been adversely affected by the Covid-19 pandemic, which has made it hard for her to raise the bail.

"Teh also suffers from sleep apnea and needs the assistance of a breathing machine every night.

"He also has three children aged eight to 19, and a 74-year-old mother to care for," Mohd Shahrullah Khan said.

Ahmad Zamzani allowed bail of RM750,000 in two sureties on the condition that the accused surrender his international passport to the court and report to the MACC office every month until the disposal of the case. - Bernama

Sinar Harian | 31 May 2022 | Page 15

Pengarah didakwa tipu syarikat pembuatan besi keluli RM7.3 juta



Teng Cheng (kiri) didakwa di Mahkamah Sesyen Kuantan pada Isnin atas pertuduhan menipu sebuah syarikat pembuatan besi dan keluli membabitkan pembayaran RM7.3 juta, tiga tahun lalu.

KUANTAN - Seorang pengarah syarikat didakwa di Mahkamah Sesyen di sini pada Isnin atas pertuduhan menipu sebuah syarikat pembuatan besi dan keluli membabitkan pembayaran RM7.3 juta, tiga tahun lalu.

Tertuduh, Teh Teng Cheng, 52, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan itu dibacakan di hadapan Hakim Datuk Ahmad Zamzani Mohd Zain.

Dia didakwa telah menipu dan memperdayakan Alliance Steel (M) Sdn Bhd dengan cara mengemukakan manual perubahan akaun penerimaan pembayaran projek serta mendorong syarikat itu melakukan bayaran ke dalam akaun syarikat Sureland Industrial Fire Safety (M) Sdn Bhd milik tertuduh berjumlah RM7.3 juta.

Alliance Steel tidak akan melakukan pembayaran terbabit sekiranya tidak diperdayakan sedemikian oleh tertuduh.

Perbuatan itu didakwa dilakukan tertuduh di Alliance Steel di kawasan Industri Malaysia-China Kuantan (MCKIP), Jalan Gebeng By Pass di sini pada 28 Jun 2019.

Bapa kepada tiga anak itu didakwa mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 10 tahun, sebat dan denda jika sabit kesalahan.

Dalam prosiding itu, Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Siti Sarah Zainal Abidin menawarkan ikat jamin RM2 juta dengan seorang penjamin.

Sementara itu, peguam Mohd Shahrullah Khan Nawab Zadah Khan yang mewakili Teng Cheng memohon agar mahkamah mengurangkan kadar jamin atas alasan anak guamnya menyara tiga anak masih bersekolah dan seorang ibu yang uzur.

"Saya mohon mahkamah kurangkan jaminan kerana tertuduh memberi kerjasama baik sepanjang siasatan dilakukan oleh SPRM sejak November tahun lalu," katanya.

Mahkamah kemudian membenarkan Teng Cheng diikat jamin RM750,000 dengan dua penjamin.

Selain itu syarat tambahan turut dikenakan oleh mahkamah terhadap tertuduh iaitu perlu melaporkan diri di pejabat SPRM dan kes disebut semula pada 30 Jun ini.